

**Usul (45)** Hadits-hadits yang menyatakan kelebihan mana-mana tempat, bandar atau negeri dan pujian Nabi s.a.w. terhadapnya yang bersifat tetap dan berkekalan selain Mekah, Madinah dan Baitul Maqdis adalah palsu, seperti kelebihan Baghdad, Iskandariah, Qazwin, 'Asqalan, Qairawan, Dimasyq, Andalus, Khurasan dan lain-lain. Demikian juga dengan hadits-hadits yang mencela sesuatu tempat atau negeri.

Kalaupun ada doa-doa Nabi s.a.w. untuk sesuatu tempat atau negeri selain Mekah, Madinah dan Baitul Maqdis, maka ia hanya meruju` kepada zaman tertentu, bukan bersifat tetap dan berpanjangan buat selama-lamanya.

Cukuplah sebagai dalil bagi kelebihan Mekah dan Baitil Maqdis adanya al-Masjidil Ĥarām dan al-Masjidil Aqsha padanya. Allah berfirman:

سُبْحَنَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

Bermaksud: Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia (Allah) jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. (al-Isrā':1).

Al-Masjidil Aqsha pernah dijadikan qiblat shalat umat Islam selama beberapa ketika (kira-kira enam belas bulan). Al-Masjidil Ĥarām pula merupakan qiblat umat Islam buat selama-lamanya.

Dan cukuplah sebagai dalil bagi kelebihan Madinah pula firman Allah berikut:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِن قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَن يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

Bermaksud: Dan orang-orang (Anshar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum (kedatangan) mereka (orang-orang Muhajirīn), mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga

mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya. (al-Ĥasyr:9).

Di bawah ini dikemukakan beberapa hadits yang menepati Usul ke-45 sebagai contoh:

#### Contoh Pertama:

عَنْ عَلِيٍّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَرْبَعَةُ أَبْوَابٍ مِنْ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ مَفْتُحَةٌ فِي الدُّنْيَا، أَوَّلُهَا الْإِسْكَانُ فِيهَا وَعَسْقَلَانُ وَقَرْوَيْنَ، وَفَضْلُ جُدَّةٍ عَلَى هَؤُلَاءِ كَفَضْلِ بَيْتِ اللَّهِ الْحَرَامِ عَلَى سَائِرِ الْبُيُوتِ".

Bermaksud: Diriwayatkan daripada `Ali, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Empat pintu daripada pintu-pintu syurga terbuka di dunia ini. Pertamanya Iskandariah, (kedua) `Asqalān, dan (ketiga) Qazwīn. Dan (keempat) kelebihan Judah (Jeddah) daripada semua yang tersebut itu seperti kelebihan Baitillahil Ĥarām daripada sekalian rumah yang lain.”

#### Rujukan:

Lihat Ibnu Hibbaan – Kitab ad-Dhu`afā Wa al-Martūkīn j.2 m/s 133, ad-Dailami – al-Firdaus j.1 m/s 379, Ibnu al-Jauzi j.2 m/s 51-52, adz-Dzahabi -Mizān al-Ītidāl j.4 m/s 415, Hafīzh Ibnu Hajar – Lisān al-Mīzān j.4 m/s 71, as-Suyūthi – al-La`ālī` al-Mashnū`ah j.1 m/s 420, as-Shārim al-Manki Fi ar-Radd `Ala asSubki m/s 183, Ibnu `Arrāq al-Kināni - Tanzīh asy-Syarī`ah al-Marfū`ah j.2 m/s 45.

#### Komentar:

(1) Ibnu al-Jauzi di dalam al-Maudhū`at telah mengemukakannya dengan sanad berikut:

أَنْبَأَنَا مُحَمَّدُ بْنُ أَبِي طَاهِرٍ عَنْ الْجَوْهَرِيِّ عَنِ الدَّارَقُطْنِيِّ عَنْ أَبِي حَاتِمٍ الْبُسْتِيِّ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُسْتَيْبِ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ مَالِكٍ حَدَّثَنَا الْحَجَّاجُ بْنُ خَالِدٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْمَلِكِ بْنُ هَارُونَ بْنُ عَنَّتَرَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ عَنْ عَلِيٍّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

Setelah mengemukakannya beliau berkata, Kata Yahya (bin Ma`īn), “`Abdul Malik bin Harūn pendusta besar.” Kata as-Sa`di, “Dajjāl, pendusta besar.” Kata Ibnu Hibbaan, “Dia mengada-ngadakan hadits.”

(2) Abu Haatim ar-Rāzi berkata, “‘Abdul Malik bin Harūn bin ‘Antarah matrūkul Ḥadīts, Dzāhibul ḥadīts (perawi sangat lemah).” Al-Jauzajāni berkata tentangnya, “Dajjal, pendusta besar.” Imam Bukhari, An-Nasā’i dan ad-Dūlābi berkata, “Perawi matrūkul ḥadīts.” Ad-Daaraquthni berkata, “Perawi matrūk, berdusta. Ayahnya juga perawi matrūkul ḥadīts.” Al-Haakim pula berkata, “Dia meriwayatkan daripada ayahnya banyak hadits maudhū’.”

(3) Iskandariah terletak di Mesir, ‘Asqalān di Pelastin, Qazwīn di Iran dan Judah pula terletak di semenanjung ‘Arab (‘Arab Saudi). Apa ertinya empat pintu daripada pintu-pintu syurga terbuka di dunia ini pada empat tempat tersebut?

Kalau ertinya beramal dan berbuat baik di tempat-tempat itu boleh membawa anda ke syurga, maka jelas sekali ia tidak khusus dengannya. Di mana pun seseorang itu beramal dan berbuat baik, ia akan membawanya ke syurga. Abu Sa’id al-Khudri meriwayatkan bahawa pernah seorang ‘Arab badwi bertanya Nabi s.a.w. tentang hijrah. Maka Baginda bersabda:

وَيْحَكَ إِنَّ شَأْنَهَا شَدِيدٌ فَهَلْ لَكَ مِنْ إِبِلٍ تُؤَدِّي صَدَقَتَهَا قَالَ نَعَمْ قَالَ فَأَعْمَلُ مِنْ وَرَاءِ الْبَحَارِ فَإِنَّ اللَّهَ لَنْ يَتْرَكَ مِنْ عَمَلِكَ شَيْئًا.

Bermaksud: “Hijrah itu perkara yang sangat berat weh! Adakah engkau menunaikan zakat untamu?” Jawab badwi itu, “Ya.” (Maka) Nabi s.a.w. bersabda: “Kalau begitu, beramallah engkau di seberang beberapa lautan sekalipun, Allah sekali-kali tidak akan mengurangi sedikit pun pahala amalanmu.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasā’i, Ibnu Hibbaan dan lain-lain).

Kalau ertinya tempat-tempat tersebut merupakan gambaran keindahan syurga, maka apa kurangnya tempat-tempat lain di dunia ini. Banyak lagi tempat di dunia ini yang jauh lebih indah dan lebih menarik daripada tempat-tempat tersebut!

(4) Sebenarnya apabila diketahui sesuatu hadits itu maudhu’, tidak perlu lagi anda bersibuk menta’wilkannya atau mencari jalan untuk menegakkannya.

(5) Pujian Rasulullah s.a.w. atau doa Baginda terhadap sesuatu tempat atau negeri selain Mekah, Madinah dan Baitul Maqdis kalau pun ada hanyalah untuk zaman tertentu atau generasi tertentu yang berada padanya sahaja. Ia tidak menunjukkan kelebihannya yang

berkekalan atau berpanjangan hingga ke akhir zaman. Sebagai contohnya hadits Rasulullah s.a.w. berikut:

الْإِيمَانُ يَمَانٌ، وَالْفِقْهُ يَمَانٌ، وَالْحِكْمَةُ يَمَانِيَّةٌ

Bermaksud: Iman sejati dari Yaman, fiqh sejati dari Yaman dan kebijaksanaan sejati dari Yaman. (Hadits riwayat Bukhari dan Muslim).

Ini adalah sebahagian daripada hadits yang diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim dan lain-lain. Maksud sebenarnya tidak akan difahami jika tidak dibaca selengkapnya. Hadits di atas selengkapnya adalah seperti berikut:

جَاءَ أَهْلُ الْيَمَنِ هُمْ أَرْقَى أَفِيدَةً الْإِيمَانِ يَمَانٌ وَالْفِقْهُ يَمَانٌ وَالْحِكْمَةُ يَمَانِيَّةٌ

Bermaksud: Orang-orang Yaman telah datang. Mereka adalah orang-orang yang paling lembut hati. Iman sejati dari Yaman, fiqh (kefahaman yang mendalam) sejati dari Yaman dan kebijaksanaan sejati dari Yaman. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ibnu Hibbaan, Ahmad, at-Thabaraani, al-Bazzaar, at-Thahāwi di dalam Syarh Musykil al-Aatsār dan Ibnu Mandah di dalam al-Imān).

Ibnu al-Mulaqqin di dalam at-Taudhīh Syarh al-Jāmi' as-Shahīh mengemukakan beberapa pandangan 'ulama' berhubung dengan maksud sebenar sabda Nabi s.a.w. itu:

(i) Hadits ini mengandungi pujian Nabi s.a.w. terhadap orang-orang Yaman di zaman Baginda, lantaran segeranya mereka menerima da'wah Baginda dan cepatnya mereka memeluk agama Islam tanpa bertegang dan bermusuhan terlebih dahulu seperti orang-orang Mekah dan lain-lain.

Pada sabda Nabi s.a.w. الْفِقْهُ يَمَانٌ وَالْحِكْمَةُ يَمَانِيَّةٌ (fiqh sejati dari Yaman dan kebijaksanaan sejati dari Yaman), terdapat pujian Baginda terhadap orang-orang Anshār di Madinah, kerana mereka berasal dari Yaman dan kebanyakan fuqaha' Shahābah terdiri daripada kalangan Anshār. Demikian kata al-Khatthābi.

(ii) Sesetengah 'ulama' berpendapat, maksud sabda Rasulullah s.a.w. الْإِيمَانُ يَمَانٌ (iman sejati dari Yaman) ialah iman bermula dari sebelah Yaman, kerana Mekah adalah tempat kelahiran Baginda dan ia terletak di sebelah Tihāmah, sedangkan Tihāmah pada

ketika itu dikira termasuk dalam Yaman. Itulah sebabnya Ka'bah juga disebut sebagai Ka'bah Yamaniah. Abu 'Ubaid adalah salah seorang 'ulama' yang berpendapat begini.

(iii) Ada juga 'ulama' berpendapat pujian Rasulullah s.a.w. itu sebenarnya ditujukan kepada orang-orang Anshār di Madinah, kerana mereka berasal dari Yaman. Mereka telah menyambut kedatangan Nabi ke Madinah dengan hati yang terbuka dan telah membela Baginda dengan seluruh jiwa raga.

(iv) Sesetengah 'ulama' pula berpendapat, hadits ini disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. ketika Baginda berada di Tabūk. Maksud Baginda bersabda begitu ialah menyatakan Mekah dan Madinah sebagai pusat agama Islam. Secara kebetulan dari Tabūk, kedudukan Mekah dan Madinah berada di sebelah Yaman. Jadi maksud sabda Rasulullah s.a.w. "Iman sejati dari Yaman, fiqh sejati dari Yaman dan kebijaksanaan sejati dari Yaman" itu ialah dari sebelah Yaman. Bukan betul-betul dari Yaman.

(v) Anas bin Malik meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

يَقْدَمُ قَوْمٌ هُمْ أَرْقُ أَفِيدَةً مِنْكُمْ فَقَدِمَ الْأَشْعَرِيُّونَ فِيهِمْ أَبُو مُوسَى فَجَعَلُوا يَزْتَجِرُونَ وَيَقُولُونَ ... غَدًا نَلْقَى الْأَجِبَةَ ... مُحَمَّدًا وَحِزْبَهُ

Bermaksud: Nanti akan datang kepadamu satu kaum, hati mereka lebih lembut dari (hati) kamu. Lalu datanglah puak Asy'ariyyūn. Salah seorang dari mereka Abu Musa al-Asy'ari. Mereka datang sambil mengungkapkan syair:

Besok kita akan bertemu kekasih-kekasih (kita)

Muhammad dan kumpulannya.

(Hadits riwayat Ahmad, an-Nasā'i, Ibnu Hibbaan, Ibnu Abi Syaibah, ad-Dhiyā' al-Maqdisi, Abu Ya'la dan at-Thaḥāwī di dalam Syarḥ Musykil al-Aatsār).

Berdasarkan hadits ini dan hadits-hadits lain seumpamanya dapatlah dikatakan bahawa Rasulullah s.a.w. memang memaksudkan orang-orang Yaman yang akan datang mengunjungi Baginda di Madinah semasa hidupnya. Dari kalangan merekalah kemudiannya muncul tokoh-tokoh dari kalangan sahabat yang amat berjasa kepada umat Islam, seperti Abu Musa al-Asy'ari, Abu Hurairah dan lain-lain.

Soal ia tidak meliputi semua orang Yaman dan negeri Yaman di sepanjang sejarah, kepada kita umat Muhammad s.a.w. yang hidup lima belas abad selepas Baginda tidaklah sukar untuk menerimanya, lantaran memang jelas keistimewaan-keistimewaan itu tidak ada pada mereka dan di negeri mereka sepanjang masa.

(6) Begitu juga dengan doa-doa keberkatan Rasulullah s.a.w. untuk sesuatu tempat atau negeri. Ia tidaklah buat sepanjang masa. Ia hanya terikat dengan sesuatu ketika atau generasi tertentu semata-mata yang menepati syarat-syarat untuk mendapat keberkatan doa Baginda, tidaklah ia berlaku buat selama-lamanya. Sebagai contohnya lihat hadits di bawah ini:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي شَامِنَا، اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي يَمِينِنَا "، قَالُوا: وَفِي نَجْدِنَا. قَالَ: " اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي شَامِنَا، اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي يَمِينِنَا "، قَالُوا: وَفِي نَجْدِنَا قَالَ: " هُنَالِكَ الزَّلَازِلُ، وَالْفِتْنُ مِنْهَا أَوْ قَالَ: بِهَا يَظْلُعُ قَرْنُ الشَّيْطَانِ. "

Bermaksud: Ibnu `Umar meriwayatkan, katanya: Sesungguhnya Nabi s.a.w. pernah berdoa dengan berkata: “Ya Allah! Berkatilah untuk kami pada Syam kami. Ya Allah berkatilah untuk kami pada Yaman kami.” Para sahabat berkata, “Pada Najd kita juga.” Nabi s.a.w. terus juga berdoa dengan berkata: “Ya Allah! Berkatilah untuk kami pada Syam kami. Ya Allah berkatilah untuk kami pada Yaman kami.” Para sahabat berkata lagi. “Pada Najd kita juga.” Baginda bersabda: “Di sana akan berlaku gempa-gempa dan dari sana juga akan muncul fitnah-fitnah.” Atau Baginda bersabda: “Di sana akan muncul dua tanduk syaitan.”

Antara bukti yang menunjukkan doa-doa keberkatan Rasulullah s.a.w. untuk dua negeri tersebut bukan buat selama-lama dan bukan untuk sepanjang masa ialah kenyataan yang disaksikan oleh generasi kemudian, termasuk kita semua. Keadaan ke-dua-dua negeri itu sama seperti negeri-negeri lain, adakalanya elok, adakalanya pula teruk.

(7) Ibnu al-Qayyim di dalam Naqdu al-Manqūl (m/s 160) berkata, “Demikian juga hadith-hadith yang memuji atau mencela Baghdad, Bashrah, Kufah, Marw, Qazwīn, `Asqalan, Iskandariah, Nashībīn, Anthakia, semuanya dusta.

(8) Al-Fairūzābādī (Abu Thāhir Muhammad bin Ya`qub al-Fairūzābādī m.817H) di dalam رسالة في بيان ما لم يثبت فيه حديث من الأبواب (Risalah pada menyatakan tidak tsabitnya di bawah bab-bab tertentu satu pun hadiths) menulis: “13- Bab kelebihan Baitul Maqdis,

Batu besar di Al-Masjid al-Aqsha, 'Asqalān, Qazwīn, Andalus dan Dimasyq. Tidak ada hadits sahih tentangnya selain tiga hadits berikut tentang Baitil Maqdis:

(١) لَا تُشَدُّ الرَّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ.

Bermaksud: Tidak perlu dipersiapkan unta (untuk mendapat apa-apa kelebihan atau pahala beribadat di sesuatu tempat) kecuali untuk pergi kepada tiga masjid.

(٢) أَنَّهُ سُئِلَ عَنْ أَوَّلِ بَيْتٍ وُضِعَ فِي الْأَرْضِ؟ فَقَالَ الْمَسْجِدُ الْحَرَامُ، قِيلَ ثُمَّ مَاذَا؟ قَالَ الْمَسْجِدُ الْأَقْصَى.

Bermaksud: Sesungguhnya Nabi s.a.w. ditanya tentang masjid yang mula-mula sekali di bina di bumi. Jawab Nabi s.a.w.: “Al-Masjidil Ĥarām.” Baginda terus ditanya, “kemudian masjid mana?” Jawab Nabi s.a.w.: “Al-Masjid al-Aqsha.”

الصَّلَاةُ تُعَدُّ فِيهِ خَمْسُ مِائَةٍ صَلَاةٍ.

Bermaksud: Bersembahyang padanya (al-Masjid al-Aqsha) mendatangkan pahala sebanyak lima ratus sembahyang (di tempat lain). (Lihat Risalah pada menyatakan tidak tsabitnya di bawah bab-bab tertentu satu pun hadits m/s 15-16).

### Contoh Kedua:

أَنْبَأَنَا زَاهِرُ بْنُ طَاهِرٍ أَنْبَأَنَا أَبُو بَكْرِ الْبَيْهَقِيُّ أَنْبَأَنَا عَبْدُ اللَّهِ مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْحَاكِمُ أَنْبَأَنَا أَبُو بَكْرٍ مُحَمَّدُ بْنُ الْمُؤَمِّلِ بْنِ الْحَسَنِ بْنِ عِيْسَى حَدَّثَنَا الْفَضْلُ بْنُ مُحَمَّدٍ الشَّعْرَانِيُّ حَدَّثَنَا نُعَيْمُ بْنُ حَمَادٍ حَدَّثَنَا أَبُو عِصْمَةَ عَنِ الْمُبَارَكِ بْنِ فَضَالَةَ عَنِ الْحَسَنِ عَنْ حُدَيْفَةَ قَالَ: "لَمَّا فَتَحَتْ خُرَاسَانَ وَتَطَاوَلَتْ إِلَيْهَا الْعَسَاكِرُ اجْتَمَعَتْ بِأَذْرَبِيجَانَ وَالْجِبَالَ ضَاقَ دَرْعُ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فَقَالَ: مَا لِي وَلِخُرَاسَانَ وَمَا لِخُرَاسَانَ وَمَالِي، وَدِدْتُ أَنْ بَيْنِي وَبَيْنَ خُرَاسَانَ جِبَالًا مِنْ بَرْدٍ وَجِبَالًا مِنْ نَارٍ وَأَلْفَ سِدٍّ كُلُّ سِدٍّ مِثْلُ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ.

فَقَالَ عَلِيُّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ عَلَيْهِ السَّلَامُ: مَهْلًا يَا ابْنَ الْخَطَّابِ، هَلْ أَتَيْتَ بِعِلْمِ مُحَمَّدٍ، أَوْ أَطَّلَعْتَ عَلَى عِلْمِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ لِلَّهِ بِخُرَاسَانَ مَدِينَةً يُقَالُ لَهَا مَرُوءَا، أَسَسَهَا أَخِي ذُو الْقَرْنَيْنِ، وَصَلَّى فِيهَا غَزِيرَ.

أَنْهَارُهَا سَبَّاحَةٌ وَأَرْضُهَا فَيَّاحَةٌ، عَلَى كُلِّ بَابٍ مِنْ أَبْوَابِهَا مَلَكٌ شَاهِرٌ سَيْفُهُ يَدْفَعُ عَنْ أَهْلِهَا الْآفَاتِ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

وَإِنَّ لِلَّهِ بِخُرَاسَانَ مَدِينَةً يُقَالُ لَهَا الطَّالِقَانُ وَإِنَّ كُنُوزَهَا لَا ذَهَبَ وَلَا فِصَّةً، وَلَكِنْ رِجَالٌ مُؤْمِنُونَ يَقُومُونَ إِذَا قَامَ النَّاسُ وَيَنْصُرُونَ إِذَا فَشِلَ النَّاسُ.

وَإِنَّ لِلَّهِ بِخُرَاسَانَ مَدِينَةً يُقَالُ لَهَا الشَّائِشُ، أَلْقَائِمٌ فِيهَا وَالتَّائِمُ كَالْمَتَشَحِّطِ بِدَمِهِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ.

وَإِنَّ لِلَّهِ بِخُرَاسَانَ لَمَدِينَةً يُقَالُ لَهَا بُخَارَى، وَإِنَّ رَجَالَ بُخَارَى آمَنُوا مِنَ الصَّرَخَةِ عِنْدَ الْهَوْلِ إِذَا قَرَعُوا، مُسْتَبْشِرِينَ إِذَا حَزَنُوا، فَطُوبَى لِبُخَارَى، يَطْلُعُ اللَّهُ عَلَيْهِمْ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ إِطْلَاعَةً، فَيَغْفِرُ لِمَنْ شَاءَ مِنْهُمْ، وَيَتُوبُ عَلَى مَنْ تَابَ مِنْهُمْ.

وَإِنَّ لِلَّهِ بِخُرَاسَانَ لَمَدِينَةً يُقَالُ لَهَا سَمَرْقَنْدُ، بَنَاهَا الَّذِي بَنَى الْجَبِرَةَ، يَتَحَامَى اللَّهُ عَنْ ذَوِيهِمْ وَيَسْمَعُ ضَوْضَاهُمْ، وَيُنَادِي مُنَادٍ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ: طِبُّنْمْ وَطَابَتْ لَكُمْ الْجَنَّةُ فَهَنِينًا لِسَمَرْقَنْدَ وَمَنْ حَوْلَهُ آمَنُوا مِنْ عَذَابِ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنْ أَطَاعُوا.

ثُمَّ قَالَ عَلَى: يَا ابْنَ الْكُوءِ كَمْ بَيْنَ بوسنج وَهَرَاة؟ قَالَ: سِتُّ فَرَسِيخَ، قَالَ: لَا بَلْ تَسْعُ فَرَسِيخٌ لَا تَزِيدُ مِيلًا وَلَا تَنْقُصُ، كَذَلِكَ أَخْبَرَنِي خَلِيلِي وَحَبِيبِي مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

ثُمَّ قَالَ: إِنَّ هُنَاكَ مَدِينَةً بِخُرَاسَانَ يُقَالُ لَهَا طُوسُ، وَأَيُّ رَجَالٍ بِطُوسٍ مُؤْمِنُونَ لَا تَأْخُذُهُمْ فِي اللَّهِ لَوْمَةٌ لَانِمٍ، يَفُومُونَ لِلَّهِ بِطَاعَتِهِ، وَيُخَيُّونَ سُنَّةَ نَبِيِّهِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

وَإِنَّ لِلَّهِ بِخُرَاسَانَ لَمَدِينَةً يُقَالُ لَهَا خُورَارْزُمُ وَالنَّائِمُ فِيهَا كَالْقَائِمِ فِي أَطْوَلِ أَيَّامِ الصَّيْفِ لَمَا يَنْحَاوَهُمْ بَنُو قَفْطُورَا.

وَإِنَّ لِلَّهِ بِخُرَاسَانَ لَمَدِينَةً يُقَالُ لَهَا جُرْجَانُ، طَابَ رَزْغُهَا، وَاخْضَرَ سَهْلُهَا وَجَبَلُهَا، وَكَثُرَتْ مِيَاهُهَا، وَاتَّسَعَتْ بَعَادِ اللَّهِ مَأْكَلَتُهَا، يَتَسَبَّحُونَ إِذَا صَاقَ النَّاسُ، وَيَضِيفُونَ إِذَا وَسَّعُوا، فَهُمْ بَيْنَ أَمْرِ اللَّهِ وَإِلَى طَاعَتِهِ يَتَسَارِعُونَ، فَطُوبَاهُمْ ثُمَّ طُوبَاهُمْ إِنْ آمَنُوا وَصَدَّقُوا.

وَإِنَّ لِلَّهِ بِخُرَاسَانَ لَمَدِينَةً يُقَالُ لَهَا قُومَسُ، وَأَيُّ رَجَالٍ بِقُومَسَ.

وَذَكَرَ مَا فِي الْحَدِيثِ.

فَقَالَ عُمَرُ: يَا عَلِيُّ إِنَّكَ أَفْتَانٌ.

فَقَالَ عَلِيُّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: لَوْ أُلْقِيَ حَجْرَانِ

مِنَ الْجَوِّ لَقَالَ النَّاسُ: هَذَا فِعْلُ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ.

فَقَالَ عُمَرُ: وَدِدْتُ أَنْ بَيْنِي وَبَيْنَ خُرَاسَانَ بَعْدَ مَا بَيْنَ بَلْقَا."

Bermaksud: Hūdzaifah meriwayatkan, katanya: “Apabila Wilayah Khurasan (mulai) dita’luk, dan agak lama tentera-tentera Islam ke sana, sehingga mereka berkumpul di Azerbaijan dan kawasan-kawasan pergunungannya. Ketika itu lemahlah semangat `Umar r.a. lalu beliau berkata, “Kenapalah sibuk sangat aku dengan Khurasan! Kenapalah sibuk sangat aku dengan Khurasan!! Alangkah baiknya kalau di antaraku dan Khurasan ada gunung-gunung salji! Alangkah baiknya kalau di antaraku dan Khurasan ada beberapa gunung api! Alangkah baiknya kalau di antaraku dan Khurasan ada seribu tembok, setiap satu daripadanya seperti termbok Ya’juj dan Ma’juj!!”



Ketika itu berkatalah `Ali bin Abi Thālib a.s., “Sabar wahai anak al-Khatthāb! Agaknya engkau tidak mendapat ilmu Muhammad, atau agaknya engkau belum mengetahui ilmu dari Muhammad s.a.w. bahawa Allah mempunyai sebuah bandar di Khurasan, namanya Marw. Ia diasaskan oleh saudaraku Dzul Qarnain, dan `Uzair telah bersembahyang di situ. Sungai-sungainya cantik (menarik pengembara) dan buminya pula subur. Di setiap pintu bandar itu ada malaikat yang menghunus pedangnya demi menjaga penduduknya daripada segala bencana hingga ke hari kiamat.

Allah (juga) mempunyai sebuah bandar di Khurasan. Namanya Thālaqān. Kekayaannya bukan berupa emas dan perak, tetapi berupa orang-orang mu'min yang bangkit bila orang-orang lain bangkit dan menolong bila orang-orang lain telah gentar.

Allah (juga) mempunyai bandar di Khurasan. Namanya Syāsy. Orang yang berdiri dan tidur di bandar itu seperti orang yang berlumuran dengan darahnya di jalan Allah.

Allah (juga) mempunyai bandar di Khurasan. Namanya Bukhara. Penduduk Bukhara aman daripada kejutan ketika huru-hara berlaku. Ketika orang-orang lain bersedih, mereka pula bergembira. Bertuallah Bukhara! Allah menjenguk mereka setiap malam, lalu mengampunkan sesiapa yang dikehendakiNya. Taubat orang-orang yang bertaubat di kalangan mereka pula diterima Allah.

Allah (juga) mempunyai sebuah bandar di Khurasan. Namanya Samarqand. Ia dibangunkan oleh orang yang membangunkan Ĥīrah. Allah melindungi penduduknya dan mendengar hiruk-pikuknya. Setiap malam berserulah yang berseru (dengan berkata), “Bertuallah kamu kerana akan memperolehi syurga! Berbahagialah Samarqand! Orang-orang di sekitarnya akan aman daripada azab Allah pada hari kiamat nanti jika mereka ta'at.

Kemudian berkata `Ali, “Wahai Ibn al-Kawwā’, berapakah jarak di antara Busanj dan Hirāt?” Jawab Ibn al-Kawwā’, “Enam farsakh”. Kata `Ali, “Tidak, bahkan sembilan Farsakh, tidak lebih dan tidak kurang walaupun sebatu. Demikianlah kekasih dan kesayanganku Muhammad s.a.w. memberitahuku.”

Kemudian beliau (`Ali) berkata lagi, “Sesungguhnya di Khurasan ada sebuah bandar dipanggil Thūs. Betapa hebatnya orang-orang mu'min di Thūs! Mereka tidak

mempedulikan kerana Allah celaan orang yang mencela. Mereka melakukan ibadat kerana Allah, dan menghidupkan Sunnah NabiNya s.a.w.

Sesungguhnya di Khurasan (juga) Allah mempunyai sebuah bandar. Namanya Khuwarizm. Orang yang tidur di situ seperti orang yang beribadat pada hari paling panjang di musim panas. Mereka adalah anak-anak Qafthūra.

Sesungguhnya di Khurasan (juga) Allah mempunyai sebuah bandar. Namanya Jurjan. Hasil taninya elok. Tanah tinggi dan tanah rendahnya menghijau. Sumber airnya pula banyak. Makan dan minum hamba-hamba Allah di situ cukup mewah. Mereka berada dalam kesenangan ketika orang-orang lain berada dalam kesempitan. Ketika orang-orang lain senang pula mereka kesempitan. Mereka menurut perintah Allah dan bersegera pula mentaatinya. Sungguh bertuah mereka! Sekali lagi, sungguh bertuah mereka, jika mereka beriman dan membenarkan!

Sesungguhnya di Khurasan (juga) Allah mempunyai sebuah bandar. Namanya Qūmas. Alangkah istimewanya orang-orang di Qūmas! ...

Maka berkata `Umar, “Hai `Ali engkau memang penimbul fitnah!”

Mendengar kata-kata (tuduhan) `Umar itu `Ali pun berkata, “Jika dua biji batu tercampak dari udara pun orang akan berkata, “Ini perbuatan `Ali bin Abi Thalib.”

`Umar seterusnya berkata, “Alangkah baiknya kalau jarak di antaraku dan Khurasan sejauh jarak di antaraku dan Balqā’.” (Lihat Ibnu al-Jauzi – al-Maudhū`āt j.2 m/s 58-60).

### **Rujukan:**

Ibnu al-Jauzi – al-Maudhū`āt j.2 m/s 58-60, as-Suyūthi - al-La`ālī` al-Mashnū`ah j.1 m/s 426-427, Ibnu `Arrāq al-Kināni – Tanzīh asy-Syarī`ah al-Marfū`ah j.2 m/s 46-47.

### **Komentar:**

(1) Ibnu al-Jauzi di dalam al-Maudhū`āt setelah mengemukakannya di bawah tajuk “Bab Kelebihan Negeri-Negeri Di Wilayah Khurasan” berkata, “Ini adalah satu hadits yang tidak diragui tentang kepalsuannya. Nama Abu `Ishmāh ialah Nūh bin Abi Maryam. Kata Yahya, “Langsung tidak bernilai. Haditsnya tidak boleh ditulis.” Kata

as-Sa'di, "Namanya telah jatuh." Ad-Daaraquthni berkata, "(Dia) Perawi matrūk." Ibnu Hibbaan pula berkata, "Tidak harus sama sekali berhujah dengannya."

(2) As-Suyuthi dan Ibnu `Arrāq bersetuju dengan Ibnu al-Jauzi tentang maudhū`nya hadits ini. Mereka juga bersetuju dengannya tentang punca bagi hadits maudhū` ini ialah Abu `Ishmāh Nūh bin Abi Maryam.

(3) Ibnu al-Jauzi berpada dengan menyebutkan Nūh sahaja sebagai perawi bermasalah dalam isnadnya, padahal terdapat beberapa lagi sudut kelemahan pada hadits Ḥudzaifah ini terutamanya di sudut dirayahnya.

(4) Pengaruh Syi`ah terdapat pada beberapa tempat di dalam riwayat ini. Antaranya:

(i) Selepas disebutkan `Ali bin Abi Thālib didoakan untuknya dengan berkata عليه السلام.

(ii) Ia menagndungi unsur "tabarra" yang jelas terhadap `Umar. Saiyyidina `Umar digambarkan sebagai seorang yang pengecut dan mudah patah semangat dalam perjuangan.

(iii) Saiyyidina `Ali pula digambarkan sebagai seorang yang jauh lebih sabar dan lebih berpengetahuan tentang hadits-hadits Nabi s.a.w. berbanding Saiyyidina `Umar.

(iv) Saiyyidina `Umar telah menuduh Saiyyidina `Ali sebagai penimbul fitnah.

(5) Untuk memuliakan beberapa negeri dan bandar di wilayah Khurasan dikatakan ia adalah bandar dan negeri Allah! Sedangkan tidak boleh berkata begitu tanpa adanya nas yang terang dan sahih tentangnya.

(6) Di setiap pintu bandar Marw dikatakan ada malaikat yang menghunus pedangnya demi menjaga penduduknya daripada segala bencana hingga ke hari kiamat.

Sedangkan itu adalah perkara ghaib, tanpa adanya dalil yang terang dan sahih tidak dibenarkan kita orang-orang Islam berkata sesuka hati kita.

Kenyataan juga membuktikan bahawa Marw juga seperti negeri-negeri lain tidak terlepas daripada bencana sebagai ujian daripada Allah.

(7) Bandar Syāsy digambarkan begitu istimewa sehingga riwayat ini menyebutkan orang yang berdiri dan tidur di bandar itu seperti orang yang berlumuran dengan

darahnya di jalan Allah. Adakah kelebihan ini khusus dengan zaman tertentu atau untuk selama-lamanya? Tidak pula ia menjelaskannya.

Kalau kelebihan itu diperolehinya kerana jihad demi menegakkan agama Islam yang pernah dilancarkan padanya, maka ia sepatutnya tidak khusus dengan Syasy sahaja.

(8) Apa yang disebutkan sebagai kelebihan-kelebihan bandar-bandar atau negeri-negeri lain di wilayah Khurasan seperti Bukhara, Samarqand, Jurjan, Thus, Qūmas dan lain-lain itu berdasarkan dalil-dalil yang sahih tidak khusus dengannya semata-mata.

Orang-orang yang melakukan ibadat kerana Allah, dan menghidupkan Sunnah NabiNya s.a.w. di tempat-tempat lain juga mendapat keistimewaan yang sama atau mungkin lebih lagi daripada apa yang tersebut di dalam riwayat ini.

(9) Terdapat juga beberapa kenyataan yang bertentangan di dalam riwayat itu. Semuanya tidak lain hanyalah menunjukkan kepalsuannya. Antaranya:

(i) Ketika menyebutkan tentang kelebihan Jurjān dikatakan, “Mereka berada dalam kesenangan ketika orang-orang lain berada dalam kesempitan. Ketika orang-orang lain senang pula mereka kesempitan.”

Kelebihan apakah ini? Apa lebihnya orang-orang Jurjān, kalau ketika orang-orang lain senang, mereka pula kesempitan?!

(ii) Kalau `Ali dipercayai benar dalam tutur katanya, kenapa pula `Umar menuduhnya sebagai penimbul fitnah? Bagaimana boleh `Umar menolak hadits yang dikemukakan oleh `Ali, jika memang benar `Ali telah meriwayatkannya sebagai sabda Rasulullah s.a.w.?!

### **Contoh Ketiga:**

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ مِصْرَ سَتُفْتَحُ بَعْدِي فَأَنْزِعُوا خَيْرَهَا وَلَا تَتَّخِذُوهَا قَرَارًا، فَإِنَّهُ يُسَاقُ إِلَيْهَا أَقْلُ النَّاسِ أَعْمَارًا".

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya Mesir akan dita’luk sepeninggalanku. Maka rebutlah kamu kebbaikannya, tetapi jangan jadikannya sebagai tempat tinggalmu. Sesungguhnya akan digiring kepadanya orang-orang yang paling pendek umurnya.”

Rujukan:

Ibnu al-Jauzi – al-Maudhū`āt j.2 m/s 57, at-Thabaraani – al-Mu`jamu al-Kabīr j.5 m/s 74, Abu Nu`aim al-Ishfahāni – at-Thibb an-Nabawi j.1 m/s 254 & Ma`rifatu as-Shahābah j.2 m/s 1108, Hafizh Ibnu Hajar al-`Asqalāni – al-Ishābah Fi Tamyīz as-Shahābah j.2 m/s 450, as-Sakhāwi - al-Maqāshidu al-Ĥasanah m/s 740-741, adz-Dzahabi – Mīzān al-I`tidāl j.4 m/s 129, al-`Ajalūni – Kasyfu al-Khafā` j.2 m/s 479, Mulla `Ali al-Qāri – al-Asrār al-Marfū`ah m/s 395.

### Komentar:

(1) Di bawah ini adalah sanad Ibnu al-Jauzi di dalam al-Maudhū`āt bagi riwayat di atas:

أَنْبَأَنَا مُحَمَّدُ بْنُ نَاصِرٍ الْحَافِظُ عَنْ أَبِي الْقَاسِمِ بْنِ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُنْدَه عَنْ أَبِيهِ قَالَ أَنْبَأَنَا أَبُو سَعِيدٍ بْنُ يُونُسَ حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ حَدَّثَنَا أَبُو هَمَّامٍ الْوَلِيدُ بْنُ شُجَاعٍ حَدَّثَنَا مُطَهَّرُ بْنُ الْهَيْثَمِ حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ عَلِيٍّ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

(2) Ibnu al-Jauzi telah mengemukakannya di dalam al-Maudhū`āt di bawah tajuk “Bab berhubung dengan celaan terhadap Mesir”. Setelah mengemukakannya beliau menukikan kata-kata Abu Sa`id bin Yunus, salah seorang perawinya, bahawa: “Ini adalah hadits yang sangat mungkar. Allah memelihara Abu `Abdir Rahman, Musa bin `Ali (bin Rabāh bin Qashīr al-Lakhmi) daripada meriwayatkan hadits seperti ini. Hanya Muthahhar bin al-Haitsam meriwayatkannya daripada beliau, sedangkan Muthahhar itu seorang perawi matrūk al-ĥadīth.”

(3) Imam Bukhari dikatakan ada juga meriwayatkan hadits ini di dalam kitabnya at-Tārīkh as-Shaghīr (demikian kata Hafizh Ibnu Hajar di dalam al-Ishābah j.2 m/s 450), dan beliau mengatakan ia tidak sahih. Sementara Imam Ibnu al-Jauzi sendiri pula telah menghukumnya sebagai hadits maudhū`. Selain beliau, as-Sakhāwi, al-Albāni, al-Ghumāri dan lain-lain juga turut memaudhū`kannya.

(4) Satu hadits lain yang lebih kurang sama mafhumnya dengan hadits contoh ketiga yang dikemukakan di atas juga ada tersebut di dalam kitab-kitab hadits maudhū`. Berikut adalah teksnya:

يُسَاقُ إِلَى مِصْرَ كُلُّ قَصِيرِ الْعُمْرِ

Bermaksud: Akan digiring ke Mesir semua orang yang pendek umurnya. (Lihat as-Sakhāwī - al-Maqāshidu al-Ĥasanah m/s 740, al-'Ajalūnī – Kasyfu al-Khafā' j.2 m/s 479, Mulla 'Alī al-Qārī – al-Asrār al-Marfū'ah m/s 395).

(5) Dilihat dari sudut dirayat, kepalsuan hadits ini jelas sekali, kerana ia bercanggah dengan kenyataan. Adakah semua orang yang tinggal di Mesir pendek umurnya?

(6) Bukankah sekian ramai sahabat Nabi s.a.w. telah berhijrah ke Mesir dan menetap di sana? Sekiranya mereka mengetahui hadits ini tentu mereka tidak melanggarnya dan tentu mereka tidak tinggal di Mesir.

(7) Andaikata hadits ini telah tersebar di zaman sahabat sekalipun, tentu para sahabat yang dididik oleh Rasulullah s.a.w. sendiri secara langsung tidak akan terpedaya dengannya.

(8) Antara bukti kepalsuan hadits contoh ketiga di atas ialah Musa bin 'Alī bin Rabāḥ yang dikatakan oleh Muthahhar bin al-Haitsam telah meriwayatkannya daripada ayahnya daripada datuknya, ketiga-tiga mereka tinggal di Mesir dan meninggal dunia di sana.

Sekiranya mereka mengetahui itu hadits Rasulullah, dan mereka sendiri yang bertanggungjawab menyebarkannya, tentu mereka tidak menetap dan tinggal di Mesir.

(i) Hafizh Ibnu Hajar menukilkan kata-kata Abu Sa'id bin Yunus bahawa Rabāḥ (datuk Musa bin 'Alī) sempat bertemu dengan Rasulullah s.a.w., tetapi baru memeluk agama Islam di zaman Saiyyidina Abu Bakr r.a. Ketika Abu Bakr menghantar Ḥāthib bin Abi Balta'ah kepada Muqauqis (raja Mesir / Iskandariah) di zaman pemerintahannya, di rumah Rabāḥlah Ḥāthib menumpang. Dan pada ketika itu baru Rabāḥ memeluk agama Islam. Yahya bin Ishaq, salah seorang perawi tsiqāt, meriwayatkan daripada Musa bin 'Alī, katanya, aku mendengar ayahku ('Alī) bercerita bahawa ayahnya (Rabāḥ) sempat menemui nabi s.a.w., tetapi baru memeluk agama Islam di zaman pemerintahan Abu Bakr. (Lihat al-Ishābah Fi Tamyīz as-Shaḥābah j.2 m/s 450).

Daripada nukilan Hafizh Ibnu Hajar ini dapat diketahui bahawa Rabāḥ memang tinggal di Mesir.

(ii) Di bawah biografi `Ali bin Rabāh bin Qashīr al-Lakhmi, adz-Dzahabi mengisyaratkan bahawa beliau adalah salah seorang perawi Sahih Muslim dan 4 Kitab Sunan yang utama (Sunan Nasā'i, Sunan Abi Daud, Sunan Tirmidzi dan Sunan Ibnu Majah).

Lalu adz-Dzahabi menyebutkan, beliau (`Ali) telah mendengar hadits daripada `Amar bin al-`Aash, `Uqbah bin `Aamir, Abi Qatādah, Abi Hurairah, Fadhālah bin `Ubaid, `Abdillah bin `Amar dan sekumpulan sahabat yang lain. Beliau (`Ali) telah dikurniakan umur yang panjang.

`Ali bin Rabāh terbilang sebagai salah seorang `ulama' besar di kalangan Tābi`īn. Dikatakan, beliau lahir pada tahun berlakunya perang Yarmūk. Al-Ĥasan bin `Ali al-`Addās berkata, beliau meninggal dunia pada tahun 117 Hijrah. Kata adz-Dzahabi, mengambil kira beliau dilahirkan pada tahun berlakunya perang Yarmūk, maka umurnya ketika meninggal dunia telah melebihi seratus tahun. (Lihat Siyar A`lām an-Nubalā' j.9 m/s 113).

Justeru perang Yarmūk telah berlaku pada tahun ke-13 Hijrah di akhir zaman pemerintahan Saiyyidina Abu Bakr r.a. Ini bererti `Ali bin Rabāh meninggal dunia ketika berumur 104 tahun.

Daripada keterangan adz-Dzahabi di atas dapat dilihat dengan jelas di mana tempat tinggal `Ali bin Rabāh. Perawi-perawi tempat ambilan hadits dari kalangan sahabat oleh beliau kebanyakannya memang tinggal di Mesir atau pernah menetap di sana, seperti `Amar bin al-`Aash, `Uqbah bin `Aamir, Fadhālah bin `Ubaid dan `Abdillah bin `Amar bin al-`Aash.

Di mana kebenaran hadits itu kalau salah seorang perawi utamanya yang tinggal di Mesir meninggal dunia ketika berumur 104 tahun. Adakah orang yang berumur 104 tahun boleh dikatakan pendek umurnya?!

(iii) Berhubung dengan Musa bin `Ali bin Rabāh pula adz-Dzahabi di dalam Siyar A`lām an-Nubalā' menulis: "Musa bin `Ali bin Rabāh adalah perawi Kitab Sahih Muslim dan empat Kitab Sunan yang utama. Beliau seorang imam, ḥāfīzh, tsiqah, gebenor yang agung lagi adil di Mesir selama beberapa tahun bagi pihak Khalifah Abu

Ja'far al-Manshūr. Kuniahnya Abu 'Abdir Rahman al-Lakhmi (maula mereka), dan beliau adalah orang Mesir.

Beliau banyak meriwayatkan hadits daripada ayahnya sendiri. Selain daripada ayahnya, beliau juga meriwayatkan hadits daripada Muhammad bin al-Munkadir, Ibnu Syihab az-Zuhri, Yazid bin Abi Ḥabīb dan sekumpulan 'ulama' hadits yang lain.

Antara orang yang meriwayatkan hadits daripada beliau pula ialah Usāmah bin Zaid al-Laitsi, Yahya bin Ayyub, al-Laits bin Sa'ad, Ibnu Lahī'ah, Ibnu Wahab, Ibnu al-Mubārak, Ibnu Mahdi, 'Abdul Ḥamīd bin Ja'far, Sa'id bin 'Abdir Rahman al-Jumāḥi, Wakī' dan lain-lain.

Abu Sa'id bin Yunus, Yahya bin Bukair, Khalifah bin Khayyāth, Abu 'Ubaid dan sekumpulan 'ulama' berkata, Musa bin 'Ali bin Rabāḥ meninggal dunia di Iskandariah pada tahun 163 Hijrah. Ibu Ḥibbān berkata, "Beliau dilahirkan pada tahun 89 Hijrah." Dikatakan, beliau menjadi gabenor di Mesir selama enam tahun dua bulan." (Lihat Siyar A'lām an-Nubalā' j.13 m/s 458).

Sebelum ini telah pun dinukilkan kata-kata Abu Sa'id bin Yunus, salah seorang perawi hadits tersebut, bahawa: "Ini adalah hadits yang sangat mungkar. Allah memelihara Abu 'Abdir Rahman, Musa bin 'Ali (bin Rabāḥ bin Qashīr al-Lakhmi) daripada meriwayatkan hadits seperti ini. Hanya Muthahhar bin al-Haitsam meriwayatkannya daripada beliau, sedangkan Muthahhar itu seorang perawi matrūk al-ḥadīth."

Kenapakah Abu Sa'id berkata, "Allah memelihara Abu 'Abdir Rahman, Musa bin 'Ali (bin Rabāḥ bin Qashīr al-Lakhmi) daripada meriwayatkan hadits seperti ini?"

Jawabnya ialah kerana bagi beliau tidak mungkin seorang tokoh sehebat Musa bin 'Ali akan meriwayatkan hadits seperti itu. Daripada sekian ramai murid-muridnya pula kenapa hanya Muthahhar bin al-Haitsam sahaja meriwayatkannya daripada beliau?

Jika seorang imam yang tsiqah lagi adil seperti Musa bin 'Ali mengetahui hadits yang dikemukakan sebagai contoh ketiga di atas, tentu beliau tidak tinggal di Mesir. Apalagi kalau beliau sendiri yang meriwayatkannya. Dan adakah seorang yang mati ketika berumur 74 tahun boleh dikatakan seorang yang pendek umurnya?!



**Usul (46)** Hadits-hadits yang menyatakan anak zina tidak akan masuk syurga, demikian juga anak cucunya, tidak ada satu pun yang sahih, bahkan semuanya maudhu'. Demikian juga hadits-hadits yang menyatakan anak zina dicipta untuk neraka, semata-mata kerana ia anak zina, bukan kerana apa-apa dosa yang dilakukannya.

Sementara hadits-hadits yang menyatakan kehinaan dan kejelikan anak zina sama ada di dunia atau di akhirat, semata-mata kerana ia anak zina pula kebanyakannya adalah dha'if teruk atau maudhu'. Kalau ada pun satu atau dua hadits sahih yang zahirnya memang menunjukkan kehinaan dan kejelikannya, maka maksud sebenarnya bukanlah begitu (sebagaimana zahirnya).

Terdapat beberapa contoh yang boleh dikemukakan untuk usul ke-46 ini. Antaranya:

**Contoh Pertama:**

فَرَحُ الرَّثَا لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ

Bermaksud: Anak zina tidak akan masuk syurga.

**Rujukan:**

Ibnu 'Adi - Al-Kāmil Fi Dhu'afā' ar-Rijāl j.4 m/s 524, Ibnu al-Jauzi- al-Maudhu'at j. 3 m/s 111, as-Suyuthi – al-La'aali'u al-Mashnu'ah j.2 m/s 164, Ibnu 'Arraaq al-Kinaani – Tanzih as-Syari'ah al-Marfu'ah j.2 m/s 228, ar-Rāfi'e – at-Tadwīn Fi Akhbāri Qazwīn j.2 m/s 146, ad-Dāraquthni - 'Ilal ad-Dāraquthni j.9 m/s 101, adz-Dzahabi – Mīzān al-ʾitidāl j.3 m/s 340, Ibnu al-Jauzi- al-'Ilal al-Mutanaahiyah j.2 m/s 769.

**Komentar:**

(1) Sanad Ibnu 'Adi bagi hadits contoh pertama itu di dalam al-Kāmil Fi Dhu'afā' ar-Rijāl adalah seperti berikut:

حَدَّثَنَا حمزة بن داود الثقفي ، حَدَّثَنَا مُحَمَّد بن زنبور ، حَدَّثَنَا عَبْد العزيز بن أبي حازم عن سهيل عن أبيه ، عن أبي هريرة ، قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم

(2) Ramai 'ulama' meletakkan kesalahan hadits contoh pertama itu di atas pundak Suhail. Ibnu 'Adi berkata, "Hadits ini diketahui dengan sebab Suhail." Ibnu al-Jauzi

berkata, “Hadits ini maudhu’. Suhail bin (Abi) Shaleh as-Sammān, kata Yahya (bin Ma`īn) mengenainya, “Haditsnya bukan hujah.” Abu Haatim pula berkata, “Boleh ditulis haditsnya, tetapi tidak boleh dijadikan hujah.”

(3) Di bawah biografi Suhail bin Abi Shaleh Dzakwān as-Sammān, setelah mengemukakan pandangan orang-orang yang menta’dilkannya, Imam adz-Dzahabi juga mengemukakan pandangan orang-orang yang mentajrīhkannya.

Apa yang jelas daripada keterangan adz-Dzahabi ialah Suhail tidak diterima Bukhari sebagai perawinya di dalam Sahih Bukhari. Imam Muslim walaupun memasukkan banyak juga hadits Suhail, tetapi kebanyakannya hanyalah sebagai riwayat-riwayat syawahid. Imam Malik pula menerima hadits-hadits daripada Suhail sebelum fikirannya bercelaru.

Antara sebab kenapa fikiran Suhail kemudiannya bercelaru menurut `Ali bin al-Madīni ialah kematian salah seorang saudaranya. Kerana terlalu sedih atas kematiannya, fikiran Suhail jadi bercelaru dan banyaklah hadits yang dia terlupa. (Lihat Mizaanu al-I’tidaal j.2 m/s 243-244).

(4) Menurut para `ulama’ hadits, bukan Suhail sahaja perawi yang bermasalah di dalam sanad hadits tersebut. Muhammad bin Zumbūr juga perawi bermasalah. Dia seorang perawi yang lemah. Riwayatnya yang bercanggah dengan riwayat perawi tsiqāt tidak boleh diterima. Ḥamzah bin Daud ats-Tsaqafi pula bukan seorang perawi yang dikenali (majhūl) para `ulama’ Rijāl.

(5) Menurut Ibnu al-Jauzi, hadits itu selain bermasalah di sudut sanadnya, matannya juga bercanggah dengan beberapa prinsip (keadilan) agama Islam yang termaktub di dalam al-Qur’an. Yang paling besar daripadanya ialah firman Allah:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

Bermaksud: ...dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja); ... (al-An`ām:164).

Di sini Imam Ibnu al-Jauzi telah mengguna pakai usul dirayah hadits (lihat Usul Dirayah ke-10 di dalam buku ini) untuk menolak hadits contoh pertama yang

dikemukakan di atas. Beliau malah menegaskan, hadits itu tidak sahih dan maudhu' kerana bercanggah dengan firman Allah yang mengandungi prinsip keadilan Islam yang terpakai bukan sahaja di dunia bahkan sampai ke akhirat.

(6) Hadits yang dikemukakan sebagai contoh pertama itu juga bercanggah dengan firman Allah yang tersebut di dalam ayat yang sama, sebelum sedikit daripada potongan ayat yang disebutkan oleh Ibnu al-Jauzi tadi, iaitu:

... وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا ...

Bermaksud: ...Dan tiadalah (kejahatan) yang diusahakan oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya; ...(al-An`ām:164).

(7) Saiyyidatuna `Aaishah juga berdalil dengan firman Allah yang sama untuk membuktikan anak zina tidak menanggung apa-apa dosa kerana perzinaan yang dilakukan oleh kedua ibu bapanya. Kata beliau:

لَيْسَ عَلَى وَلَدِ الزَّانَا مِنْ وَرَرِ أَبَوَيْهِ شَيْءٌ {وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى}

Bermaksud: Anak zina tidak menanggung sedikit pun daripada dosa kedua ibu bapanya. (Allah berfirman, bermaksud) “Seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja).” (al-An`ām:164). (Atsar riwayat al-Haakim, al-Baihaqi dan `Abdur Razzaaq).

#### Contoh Kedua:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ وَلَدُ الزَّانَا وَلَا وَلَدُهُ وَلَا وَلَدُ وَلَدِهِ

Bermaksud: Anak zina tidak akan masuk syurga, tidak (akan masuk juga) anaknya dan tidak juga anak bagi anaknya.

#### Rujukan:

Abu Nu`aim - *Ĥilyatu al-Auliya'* j.3 m/s 308, Ibnu al-Jauzi- *al-Maudhu'aat* j.3 m/s 110, az-Zaila'i – *Takhrīj Ahādīts al-Kasysyāf* j.4 m/s 76, as-Suyuthi – *al-La'aali'u al-Mashnu'ah* j.2 m/s 164, ad-Dailami – *al-Firdaus* j.5 m/s 108, Ibnu `Arraaq al-Kinaani – *Tanzih as-Syari'ah al-Marfu'ah* j.2 m/s 228),

## Komentar:

(1) Sanad riwayat Abu Nu`aim di dalam *Hilyatu al-Auliya`* adalah seperti berikut:

عبد الله بن حنيفة ثنا يوسف بن أسباط عن أبي إسرائيل الملائني إسماعيل بن (أبي) إسحاق عن فضيل ابن عمرو عن مجاهد عن ابن عمرو عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم

(2) Dengan sanad Abu Nu`aim itu juga Ibnu al-Jauzi mengemukakan hadits contoh kedua di dalam kitabnya *al-Maudhu`at*. Ibnu al-Jauzi mengatakan punca penyakitnya ialah Abu Isra`il. Ia merupakan paksi (madaar) bagi hadits itu. Kata Yahya, “*Ashhāb al-hadits* tidak mahu menulis haditsnya. Tirmidzi dan ad-Daraquthni mengatakan ia *dha`if*.”

(3) Ibnu al-Jauzi juga menyebutkan bahawa di dalam sanad hadits itu terdapat *idhthirāb* yang teruk pada Mujahid. Ada ketikanya Mujahid dikatakan telah meriwayatkannya terus daripada Abi Hurairah. Di dalam sesetengah sanad pula tersebut Mujahid telah menerimanya daripada Abu Hurairah dengan perantaraan Ibn `Amar seperti yang tersebut di dalam riwayat Abu Nu`aim di atas.

Di dalam sesetengah sanad pula tersebut Mujahid telah menerimanya dengan perantaraan Abi Sa`id. Ada ketika pula Mujahid dikatakan telah meriwayatkannya dengan perantaraan Muhammad bin `Abdir Rahman seperti tersebut di dalam riwayat yang akan dikemukakan pada poin (4) nanti. Kadang-kadang pula ia diriwayatkan secara *mauqūf* sahaja. Semua ini menunjukkan kecelaruan perawi-perawinya.

(4) Terdapat satu lagi saluran riwayat daripada Abu Hurairah. Matannya agak berbeza daripada matan hadits contoh kedua. Bagaimanapun ternyata ia lebih dahsyat daripada hadits contoh kedua itu. Di bawah ini dikemukakan riwayat berkenaan lengkap dengan sanadnya sebagaimana dikemukakan oleh Ibnu al-Jauzi di dalam *al-Maudhu`at*:

أنبأنا عبد الاول أنبأنا الداودي أنبأنا ابن أعين السرخسي حدثنا إبراهيم بن خزيم حدثنا عبد بن حميد حدثنا عبدالرحمن بن سعد الرازي حدثنا عمر بن أبي قيس عن إبراهيم بن مهاجر عن محمد بن عبدالرحمن بن أبي ذئاب عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم: لا يدخل الجنة ولد زنا ولا شيء من نسله إلى سبعة آباء

Bermaksud: Anak zina tidak akan masuk syurga. Tidak akan masuk syurga juga tujuh keturunannya.

Setelah mengemukakannya Ibnu al-Jauzi menulis, “Di dalam sanadnya ada Ibrahim bin Muhajir. Bukhari dan an-Nasā’i mengatakan ia dha’if. Apa dosa anak zina itu sehingga ia (dan tujuh keturunannya) terhalang daripada memasuki syurga?! Hadits-hadits itu pula menyalahi prinsip-prinsip agama Islam. Yang paling besarnya ialah ia menyalahi firman Allah:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

Bermaksud: ...dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja); ... (al-An`ām:164).”

Di dalam Mizan al-I`tidāl, Imam adz-Dzahabi menukikan bahawa Imam Bukhari mengatakan ia (Ibrahim bin Muhajir) munkarul hadits. Sementara Yahya bin Sa`id pula dinukilkan telah berkata, ia (Ibrahim bin Muhajir) tidak kuat.

(5) Ibnu `Arrāq di dalam Tanzīh Asy-Syarī`ah al-Marfū`ah berkata, “Ad-Daaraquthni dan Abu Nu`aim mengatakan hadits di atas ma`lūl kerana Idhthirāb tersebut.”

(6) Abu Bakar al-Jasshāsh berkata di dalam kitabnya Ahkām al-Qur’an begini: “Ini semua termasuk dalam hadits-hadits Abu Hurairah yang tidak diterima kerana ia menyalahi usul. Seperti apa yang diriwayatkan daripada beliau bahawa وَلَدُ الزَّانَا شَرُّ الثَّلَاثَةِ (anak zina adalah yang paling teruk antara tiga orang, itu dia sendiri dan kedua ibu dan bapanya), لَا وَضُوءَ لِمَنْ لَمْ يَذْكُرْ (anak zina tidak akan masuk syurga), وَلَدُ الزَّانَا لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ (anak zina tidak akan masuk syurga), لَا وَضُوءَ لِمَنْ لَمْ يَذْكُرْ (tiada wudhu’ bagi orang yang tidak menyebut nama Allah ketika hendak berwudhu’), dan hadits مَنْ غَسَلَ مَيِّتًا فَلْيَغْتَسِلْ وَمَنْ حَمَلَهُ فَلْيَتَوَضَّأْ (sesiapa memandikan mayat, dia hendaklah mandi, dan sesiapa menanggungnya, dia hendaklah berwudhu’). Semua hadits-hadits ini syadz (ganjil). Para fuqaha’ bersepakat ttg tidak harus dipakai zahirnya. (Lihat Ahkām al-Qur’an j.3 m/s 404).

(7) Kenapa hukuman terhadap anak zina yang tidak bersalah itu begitu teruk, sehingga tujuh keturunannya tdk akan dapat masuk syurga, adakah walaupun mereka beriman dan mentaati Allah sepanjang hayat? Hukuman berat seperti itu hairannya tidak pula tersebut dikenakan ke atas ibu bapanya yang memang telah melakukan dosa perzinaan!

**Contoh Ketiga:**

## يُحْشَرُ أَوْلَادُ الزَّانَا فِي صُورَةِ الْقِرْدَةِ وَالْخَنَازِيرِ

Bermaksud: Anak-anak zina akan dibangkitkan (di Mahsyar) dalam rupa kera-kera dan babi-babi.

### Rujukan:

Al-'Uqaili – Kitab ad-Dhu'afā' al-Kabīr j.2 m/s 75, Hafizh Ibnu Hajar – Lisān al-Mīzān j.3 m/s 560-561, as-Suyuthi – al-La'aali'u al-Mashnu'ah j.2 m/s 162-163, Hafizh Ibnu Hajar – al-Mathālib al-'Aaliyah j.9 m/s 41, al-Būshīri – Ithāf al-Khiyarati al-Maharah j.8 m/s 160, as-Syaukaani- al-Fawaa'idu al-Majmu'ah m/s 204.

### Komentar:

(1) Hāfizh Ibnu Hajar mengemukakan sanad bagi hadits contoh ketiga di atas melalui saluran Abu Bakar (Ibnu Abi Syaibah) seperti berikut:

وَقَالَ أَبُو بَكْرٍ حَدَّثَنَا أَسْوَدُ بْنُ غَامِرٍ ثنا حَمَادُ بْنُ سَلَمَةَ عَنْ عَلِيِّ بْنِ زَيْدٍ عَنْ (زيد) ابْنِ عِيَاضٍ عَنْ عَيْسَى بْنِ حِطَّانٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ

(2) Di dalam Ithāf al-Khiyarati al-Maharah pula setelah mengemukakan hadits tersebut, Hāfizh Ibnu Hajar mengomentarkannya dengan berkata, “Abu Bakar Ibnu Abi Syaibah meriwayatkannya dengan sanad yang dha'if disebabkan kedha'ifan 'Ali bin Zaid bin Jud'an (salah seorang perawinya).”

'Ali bin Zaid bin Jud'an menurut para 'ulama' Rijāl seperti Ahmad, Yahya dan lain-lain adalah seorang perawi yang langsung tidak bernilai (ليس بشيء).”

(3) Al-'Uqaili, as-Suyuthi dan lain-lain pula mengemukakan hadits yang sama mafhumnya dengan hadits yang dikemukakan sebagai contoh ketiga di atas, walaupun lafaznya berbeza. Bahagian atas sanadnya sama sahaja dengan sanad Abu Bakar Ibnu Abi Syaibah yang dikemukakan oleh Hafizh Ibnu Hajar tadi. Di bawah ini dikemukakan hadits yang dimaksudkan itu dengan sanad al-'Uqaili bersama-sama terjemahannya:

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ ، قَالَ : حَدَّثَنَا عَارِمٌ ، قَالَ : حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ سَلَمَةَ عَنْ عَلِيِّ بْنِ زَيْدٍ عَنْ زَيْدِ بْنِ عِيَاضٍ عَنْ عَيْسَى بْنِ حِطَّانٍ الرَّقَاشِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَوْلَادُ الزَّانَا يُحْشَرُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي صُورَةِ الْقِرْدَةِ وَالْخَنَازِيرِ.

Bermaksud: rasulullah s.a.w. bersabda, “Anak-anak zina akan dibangkitkan pada hari kiamat (nanti) dalam rupa kera-kera dan babi-babi.

(4) Di dalam Lisān al-Mīzān Ḥāfiẓh Ibnu Ḥajar berkata bahawa di dalam sanadnya juga ada perawi bernama Zaid bin `Iyādh al-Bashri. Ayyub as-Sakhtiyāni telah mempertikaikan (mentajrīhkan) perawi ini.

(5) As-Suyuthi setelah mengemukakan hadits itu berkata, “(Ia) Maudhu’”. Al-`Uqaili pula berkata, “Ia tidak mahfūẓh melalui saluran sanad yang tsabit (sahih atau hasan). Zaid bin `Iyādh telah dipertikaikan (ditajrīhkan) oleh Ayyub as-Sakhtiyāni.”

(6) `Isa bin Ḥitthān ar-Raqāsyi (salah seorang perawi di dalam kedua-dua sanad hadits di atas), walaupun Ibnu Hibbaan menyebutnya sebagai perawi tsiqah, namun Ibnu `Abdil Barr mengatakan ia bukan orang yang haditsnya boleh dijadikan hujah.

(7) Bukan as-Suyuthi sahaja menghukum hadits itu sebagai maudhu’, as-Saghāni, asy-Syaukāni, Muhammad Thāhir bin `Ali al-Hindi juga menghukumnya sebagai maudhu’. Ibnu al-Jauzi bahkan menghukumnya dengan berkata, “Ini adalah hadits maudhu’, langsung tiada asalnya.”

(8) Dari sudut dirayah, hadits contoh ketiga ini juga seperti hadits-hadits contoh pertama dan kedua dihukum sebagai maudhu’ kerana menyalahi firman Allah di dalam al-Qur’an dan menyalahi prinsip keadilan Islam yang berkekalan dari dunia hingga ke akhirat.

